

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN OLEH:  
NAIB CANSELOR**

**BENGGEL SEMAKAN PEMBANGUNAN KOLEJ  
KEDIAMAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNIKAL  
MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

**TARIKH: 23 JULAI 2024 (ISNIN)**

**TEMPAT: GRAND SWISSBELL HOTEL, MELAKA**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**SALUTASI**  
**BENGGKEL SEMAKAN PEMBANGUNAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**  
**22 Julai 2024**

- 1. Yang Dihormati En. Muhamad Faizaruddin bin Jamaludin**  
Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Pembangunan,  
KPT
- 2. YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- 3. YBrs. Prof. Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani**  
Ketua Pegawai Digital
- 4. Puan Sabarina binti Abdullah**  
Bendahari
- 5. Encik Mohd Nizam bin Pavel**  
Penasihat Undang-undang
- 6. Ir. Dr. Mohd Rayme bin Anang Masuri**  
Pengarah, Pejabat Pengurusan Pembangunan
- 7. Encik Ainuddin bin Abu Kasim**  
Pengarah Pejabat Pengurusan Fasiliti

Pegawai-pegawai dari KPT dan semua ahli bengkel yang dikasihi  
sekalian

Assalamualaikum Wbt Dan Salam Sejahtera,  
Salam Malaysia Madani.

Salam Melaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.  
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat

Salam UTeMku Sayang "Menjajar Universiti, Melonjak Ke  
Hadapan"

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

1. Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pihak KPT dan mengalu-alukan kehadiran Tuan/ Puan ke Melaka. Terima kasih kerana sudi hadir ke Bengkel Semakan Pembangunan Kolej Kediaman untuk Pelajar UTeM
2. Untuk makluman semua, buat masa ini bilangan pelajar di UTeM adalah berjumlah 13,000 pelajar dari kalangan prasiswazah dan pasca siswazah. Terkini, Kerajaan telah mensasarkan enrolmen berjumlah 150,000 pelajar bagi MTUN TVET Termaju 2030. Ini menjadikan pelajar UTeM berjumlah 37,500 pelajar kelak.
4. Pembangunan kolej kediaman pelajar adalah sangat kritikal bagi menampung pertambahan pelajar di UTeM. Pada masa ini, di UTeM hanya terdapat dua (2) kolej kediaman pelajar dalam kampus yang mampu menampung 6,000 pelajar atau 46% sahaja, manakala 1,000 pelajar lagi di luar kampus menjadikan jumlah keseluruhan penginapan pelajar yang mampu disediakan hanya 7,000 pelajar.
5. UTeM berhasrat untuk menyediakan kemudahan penginapan di Kolej Kediaman kepada pelajar sehingga 70% seiring dengan halatuju yang telah digariskan KPT.
6. UTeM telah menerima cadangan pembangunan kolej kediaman pelajar dari 2 (dua) syarikat swasta iaitu syarikat MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.) bagi cadangan pembangunan kolej kediaman pelajar secara **Lease to Own** dan syarikat Profil Makmur Sdn. Bhd. (PMSB) bagi cadangan pembangunan kolej kediaman pelajar secara **Rent to Own**.
7. Kedua-dua cadangan ini hadir kepada UTeM dengan pembangunan yang akan dilaksanakan di luar kampus. Ini juga merupakan satu pendekatan inovasi perolehan baharu yang kami bawa selari dengan saranan Dato' Seri KSU setelah beliau sendiri menyedari dan menyaksikan usaha untuk pembangunan kolej kediaman pelajar di dalam kampus di beberapa UA menghadapi cabaran.

8. Pembentangan dari MARA Inc. dan Profil Makmur telah dilaksanakan pada 17 dan 18 Julai 2024 yang lalu. Bengkel tersebut bertujuan untuk menyempurnakan Statement of Needs (SON) yang merangkumi Client Brief of Requirements (CBOR) dan Technical Brief of Requirements (TBOR).

9. Bengkel dua (2) hari tersebut telah diurusetikan oleh Pejabat Pengurusan Pembangunan dan dihadiri oleh wakil-wakil Pejabat Bendahari, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU), Pejabat Ketua Pegawai Digital (CDO) dan Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF). Saya sendiri telah hadir untuk memantau dan memastikan bengkel yang dijalankan menghasilkan output yang sempurna.

10. Jadi, saya ingin memaklumkan kepada pihak KPT bahawa UTeM sangat komited untuk menyediakan kemudahan penginapan yang kondusif kepada pelajar UTeM. Malah, Tun Canselor kami sendiri sering menghubungi saya dari semasa ke semasa untuk mengetahui perkembangan pembangunan projek ini.

11. Sekali lagi, saya dan seluruh warga UTeM sangat-sangat berterima kasih kepada En. Faiz dan delegasi KPT yang hadir ke bengkel pada hari ini dan berharap output daripada bengkel ini dapat diangkat ke peringkat seterusnya dan diluluskan untuk pembangunan.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya serahkan kembali kepada pengacara majlis untuk atur cara selanjutnya.